## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

## BERITA PERIKANAN HARI INI

**12 Januari 2022**
**9 Jamadilakhir 1443H**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|---|---|
| **Utusan Malaysia** | • Ceroboh tangkap siput, bot disita |
| **Berita Harian** | • |
| **Harian Metro** | • |
| **Kosmo !** | • |
| **Sinar Harian** | • 565 kes tangkapan langar Akta Perikanan tahun lepas: DOF |
| **The Star** | • |
| **New Straits Time** | • |
| **Nanyang Siang Pau** | • |
| **Malaysia Gazette** | • |
| **Harakah** | • |
| **Malaysiakini** | • |
| **Bernama** | • Violation of Fisheries Act: 565 arrests made, 209 complaints lodged as of Nov 2021 - DOF |
| **Borneo Post (KK)** | • Violation of Fisheries Act: 565 arrests made, 209 complaints lodged as of Nov 2021 |
| **Guan Ming Daily** | • |
| **Sabah Media** | • |

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | / | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | | |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI<br>Sabah Media | | | |
| KATEGORI LIPUTAN : | POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | 9 | 12/1/22 |

# Ceroboh tangkap siput, bot disita

**Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR**
utusannews@mediamulia.com.my

**KANGAR:** Jabatan Perikanan negeri memberi peringatan tegas termasuk akan menyita bot-bot nelayan luar yang menceroboh perairan Perlis menangkap siput retak seribu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Perikanan negeri, Ismail Ibrahim menegaskan, tindakan menceroboh perairan Perlis menangkap siput adalah satu kesalahan kerana negeri ini tidak mengeluarkan lesen menangkap siput sejak sekian lama.

Kata beliau, pihaknya mempunyai rekod tangkapan dan kesalahan yang dilakukan nelayan luar terbabit dan jika kesalahan sama berulang, mereka akan berdepan tindakan tegas seperti pendakwaan di mahkamah yang membawa kepada penyitaan bot dan peralatan di bawah Akta Perikanan 1985.

"Sepanjang 2021, sebanyak 117 rondaan di laut dilakukan dan hasilnya Jabatan Perikanan dengan kerjasama agensi terlibat seperti polis marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia berjaya melakukan 24 sitaan dan tangkapan.

"Jabatan juga melakukan 121 pemeriksaan vesel dan bot di laut bagi memastikan tidak ada penyeludupan warga asing, peralatan tangkapan yang dilarang serta penyeludupan barang-barang yang terlarang," katanya.

Minggu lalu, *Utusan Malaysia* dalam laporan khasnya melaporkan pendapatan kira-kira 1,000 nelayan terutama nelayan pesisir pantai di Perlis merosot sehingga RM1.4 juta sebulan atau RM70,000 sehari berikutan kekurangan hasil laut akibat pencerobohan nelayan luar yang menangkap siput secara tidak sah di perairan negeri ini

Dakwa nelayan terlibat, jika dahulu purata pendapatan mereka sekitar RM100 sehari namun kebelakangan ini mereka hanya mampu memperoleh sekitar RM30 dan pernah pulang dari laut dengan tangan kosong.

Tambah Ismail, selain rondaan di laut, pemeriksaan di darat turut diadakan sepanjang tahun 2021 iaitu sebanyak 695 kali.

Ujarnya, sebanyak tujuh kes di bawah kesalahan menggunakan peralatan sangkar penangkapan siput retak seribu direkodkan selain 10 kes melibatkan peralatan dilarang seperti bubu naga atau bubu kamban.

Hasil laut berkurangan kesan daripada aktiviti pencerobohan tangkap siput

## Nelayan Perlis rugi RM1.4j sebulan

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB dan SYED AZLAN SAYID
utusannews@mediamulia.com.my

KANGAR: Kira-kira 1,000 nelayan terutama nelayan pesisir pantai di negeri ini merosot pendapatan sehingga RM1.4 juta sebulan atau RM70,000 sehari berikutan kekurangan hasil laut akibat pencerobohan nelayan luar yang menangkap siput secara tidak sah.

Dakwa nelayan terlibat, jika dahulu purata pendapatan mereka sekitar RM100 sehari namun kebelakangan ini mereka hanya mampu memperoleh sekitar RM30 dan pernah pulang dari laut dengan tangan kosong.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Perlis (Pelaris), Asri Jab, 48, berkata,



menangkap siput tersebut sudah lebih 20 tan metrik hasil diperoleh dengan nilai boleh mencecah RM50,000 sehari atau RM1.5 juta sebulan," katanya.

Seorang lagi nelayan, Azmi Yahya, 54, pula berkata, jika dahulu pendapatan bersihnya sekitar RM100 sehari, namun kini hanya antara RM20 sehingga RM30 termasuk pernah pulang dengan tangan kosong.

"Saya sering keluar menangkap ikan pada waktu malam dan selalu nampak kelibat bot atau sampan luar ini menangkap siput. Kesan penangkapan siput sudah mula dirasai apabila hasil laut sudah semakin berkurangan," kata bapa kepada lima

UTUSAN Malaysia
5 Januari 2022.

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | | |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | / | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI Sabah Media | | | |
| KATEGORI LIPUTAN : | POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | ONLINE | 12/1/22 |

# 565 kes tangkapan langgar Akta Perikanan tahun lepas: DOF

PUTRAJAYA - Sebanyak 565 kes melibatkan tangkapan kerana melanggar Akta Perikanan 1985 direkodkan tahun lepas sehingga November, menurut Jabatan Perikanan Malaysia (DOF).

DOF dalam kenyataan pada Selasa berkata, pihaknya turut menerima 209 aduan mengenai kegiatan pelanggaran akta itu, selain melupuskan 12 vesel dan 5,156 barang rampasan sepanjang tempoh tersebut.

"DOF mengambil serius aktiviti yang melanggar Akta Perikanan 1985. Menerusi Pejabat Perikanan Negeri, program Pemantauan, Kawalan dan Pengawasan (MCS) telah dijalankan bagi mengekang aktiviti yang tidak bertanggungjawab di perairan negara dan juga kawasan darat," menurut kenyataan itu.

Menurut jabatan itu, sepanjang 2021, sebanyak 15 program MCS telah dijalankan oleh Bahagian Perlindungan Sumber Ibu Pejabat Jabatan Perikanan.




Dalam pada itu, menurut kenyataan itu, sebanyak lima tangkapan telah dibuat oleh Perlindungan Sumber Negeri di Johor, Perak, Kedah dan Pulau Pinang pada 9 dan 10 Januari lepas.

Di Johor pada Ahad lepas, tiga anggota dari Perlindungan Sumber Tampoi telah menahan sebuah vesel Zon B yang sedang menunda di jarak tujuh batu nautika dari Pantai Punggor, Batu Pahat, kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 iaitu beroperasi di luar waktu yang dibenarkan antara jam 6 pagi hingga 7 malam.

Sementara itu, pada Isnin sepasukan anggota bot ronda PL91 dari Perlindungan Sumber Kampung Acheh, Perak, telah ke Perairan Pulau Sembilan dan mendapati sebuah vesel nelayan sedang menjalankan aktiviti menangkap ikan menggunakan pukat tunda pada jam 11.05 pagi.

"Vesel tersebut didapati telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan kerana menangkap ikan menggunakan pukat kurang lapan batu nautika dari pantai atau pulau," menurut kenyataan itu.

Tambah kenyataan itu, program MCS yang dijalankan oleh Perlindungan Sumber Kuala Kedah pula telah berjaya menjumpai sebuah vesel yang sedang menggunakan rawa surong di 0.4 batu nautika dari Pantai Kuala Kedah sekitar jam 4 petang Isnin.

Di Pulau Pinang, Operasi Bubu Naga di Perairan Teluk Kumbar melibatkan empat anggota telah menahan sebuah sampan tidak bernombor bersama sembilan unit bubu naga dan kesemua barang rampasan telah dibawa ke Pangkalan Hadapan Batu Maung bagi tindakan selanjutnya.

Selain itu, DOF meminta orang awam membuat aduan berkaitan aktiviti yang melanggar Akta Perikanan 1985 menerusi sistem pesanan ringkas (SMS) atau menghubungi Hotline FISHCOM di talian 03-8888 5019. - Bernama

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| *UTUSAN MALAYSIA* | | *KOSMO !* | | *THE STAR* | | *NANYANG SIANG PAU* | | | |
| *BERITA HARIAN* | | *SINAR HARIAN* | | *THE SUN* | | *ORIENTAL DAILY* | | | |
| *HARIAN METRO* | | *NEW STRAITS TIMES* | | *THE MALAY MAIL* | | *PELBAGAI* BERNAMA ~~Sabah Media~~ | | | |
| *KATEGORI LIPUTAN :* *POSITIF* | | *NEGATIF* | | *NEUTRAL* | | | | | 12/1/22 |

# Violation of Fisheries Act: 565 arrests made, 209 complaints lodged as of Nov 2021 - DOF

ADVERTISEMENT

PUTRAJAYA, Jan 11 – The Department of Fisheries (DOF) received 209 complaints and made 565 arrests for various infringements of the Fisheries Act 1985 as of November 2021.

The DOF said it had also disposed of 12 vessels and 5,156 confiscated items in accordance with the policies and guidelines of the Fisheries Act.

It said that throughout 2021, a total of 15 programmes were implemented by the Resources Protection Division of the Fisheries Department headquarters to enforce the Fisheries Act 1985 and regulations under it as well as other related acts and enactments in the states.

"The DOF takes a serious view of activities that violate the Fisheries Act 1985. Through the State Fisheries offices, a monitoring, controlling and surveillance (MCS) programme has been implemented to prevent irresponsible activities in the country's waters and inland area," it said in a statement today.

The DOF also said that five arrests were made by the Resources Protection Division of Johor, Perak, Kedah and Penang on Jan 9 and 10.

On Jan 9, through the MCS programme in Johor, the Tampoi Resources Protection Division inspected a vessel about seven nautical miles from Pantai Punggor in Batu Pahat before detaining it on suspicion of having committed an offence under Section 8(b) of the Fisheries Act 1985 for operating outside the permitted time of between 6 am and 7 pm.

"All the case items comprising the vessel, licence, trawl nets, towing boards and chains, GPS and a mixture of fish have been taken to the Batu Pahat Resources Protection Base before being handed over to the DOF investigating officer for further action," it said.

The DOF also said that it detained a fishing vessel in the Pulau Sembilan waters at about 11.05 am yesterday for violating the Fisheries Act 1985 by carrying out fishing activities using trawl nets.

"It had committed an offence under Section 8(b) for using trawl nets less than eight nautical miles from the shore or island and using three foreigners without the written permission of the director-general of the DOF.

The DOF added that the public could lodge complaints and any reports of misconduct from the public on activities that violated the Fisheries Act 1985 via the short messaging system (SMS) or call the FISHCOM Hotline at 03-8888 5019.

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | | |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI<br>i. BORNEO POST KK | | | |
| KATEGORI LIPUTAN : | POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | 7 | 12/1/22 |

# Violation of Fisheries Act: 565 arrests, 209 complaints as of Nov 2021

**PUTRAJAYA:** The Department of Fisheries (DOF) received 209 complaints and made 565 arrests for various infringements of the Fisheries Act 1985 as of November 2021.

The DOF said it had also disposed of 12 vessels and 5,156 confiscated items in accordance with the policies and guidelines of the Fisheries Act.

It said that throughout 2021, a total of 15 programmes were implemented by the Resources Protection Division of the Fisheries Department headquarters to enforce the Fisheries Act 1985 and regulations under it as well as other related acts and enactments in the states.

"The DOF takes a serious view of activities that violate the Fisheries Act 1985. Through the State Fisheries offices, a monitoring, controlling and surveillance (MCS) programme has been implemented to prevent irresponsible activities in the country's waters and inland area," it said in a statement yesterday.

The DOF also said that five arrests were made by the Resources Protection Division of Johor, Perak, Kedah and Penang on Jan 9 and 10.

On Jan 9, through the MCS programme in Johor, the Tampoi Resources Protection Division inspected a vessel about seven nautical miles from Pantai Punggor in Batu Pahat before detaining it on suspicion of having committed an offence under Section 8(b) of the Fisheries Act 1985 for operating outside the permitted time of between 6am and 7pm.

"All the case items comprising the vessel, licence, trawl nets, towing boards and chains, GPS and a mixture of fish have been taken to the Batu Pahat Resources Protection Base before being handed over to the DOF investigating officer for further action," it said.

The DOF also said that it detained a fishing vessel in the Pulau Sembilan waters at about 11.05am on Monday, for violating the Fisheries Act 1985 by carrying out fishing activities using trawl nets.

"It had committed an offence under Section 8(b) for using trawl nets less than eight nautical miles from the shore or island and using three foreigners without the written permission of the director-general of the DOF.

The DOF added that the public could lodge complaints and any reports of misconduct from the public on activities that violated the Fisheries Act 1985 via the short messaging system (SMS) or call the FISHCOM Hotline at 03-88885019. — Bernama